

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019**BAHASA MELAYU****Kertas 2****September****2 $\frac{1}{2}$ jam****Dua jam tiga puluh minit****SMK****Kod Sekolah**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan bagi **Soalan 2(b)**, **Soalan2(c)**, dan **Soalan 4** berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

Soalan 1 : Rumusan**[30 markah]**

*Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian, buat satu rumusan tentang **masalah-masalah yang melanda bidang sukan dan usaha-usaha dalam meningkatkan mutu sukan negara.** Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Pencapaian cemerlang beberapa orang atlet negara di arena antarabangsa baru-baru ini cukup mengembirakan seluruh peminat sukan tanah air. Pada masa yang sama, kita turut diceriakan dengan kejayaan hebat atlet paralimpik di peringkat antarabangsa. Muhammad Ziyad Zolkefli meneruskan kecemerlangan dengan memecah satu lagi rekod dunia acara lontar peluru lelaki F20 pada kejohanan Olahraga Paralimpik Dunia 2017 di London, baru-baru ini. Seorang lagi atlet paralimpik, Abdul Latif Romly turut cemerlang dengan meraih emas dan memperbaiki rekod lompat jauh yang diciptanya sendiri pada tahun 2015.

Kejayaan mereka membuktikan bahawa atlet Malaysia juga mampu pergi jauh dan mencipta kegemilangan di peringkat antarabangsa. Namun kita sering kali masih berhadapan dengan masalah ketandusan atlet terutamanya barisan pelapis untuk beberapa jenis sukan. Misalnya, kita belum pasti dan jelas siapa pengganti jaguh perseorangan badminton negara, Datuk Lee Chong Wei dan juga jaguh squasy dunia, iaitu Datuk Nicol Ann David. Jika keadaan seperti ini masih berterusan kita akan menghadapi masalah yang sama selepas Jun Hoong, Pandelega Rinong, Khairul Hafiz, Ziyad dan juga Abdul Latiff. Masalahnya, pengurusan bakat sukan di negara ini tidak konsisten dalam melahirkan atlet sukan yang hebat di peringkat antarabangsa. Misalnya, apabila seseorang muncul secara tiba-tiba kita hanya fokus kepada seseorang atlet tanpa mempedulikan pelan penggantian kepada atlet tersebut. Selain itu, negara juga berdepan dengan masalah kekurangan kemudahan sukan berbanding dengan negara-negara yang maju industri sukannya. Hal ini menyebabkan para atlet tidak mendapat latihan yang sewajarnya untuk menghadapi kejohanan pada peringkat antarabangsa.

Salah satu masalah yang terlalu lama berlaku tanpa sebarang penyelesaian ialah tampuk kepemimpinan persatuan sukan yang sering bertukar ganti. Malah tidak kurang hebatnya individu yang terpilih untuk mengetuai sesebuah persatuan sukan namun hakikatnya keadaan yang sama terus berlaku. Masing-masing masih gagal untuk melahirkan barisan atlet bertaraf antarabangsa secara konsisten. Hakikatnya negara ini tidak pernah ketandusan bakat baharu. Baik dalam sukan olahraga, badminton mahupun bola sepak misalnya banyak atlet yang berbakat, namun ke manakah hala tuju atlet muda dan baharu ini? Siapakah yang menjaga, menguruskan mereka dan memastikan kumpulan pelapis ini diasah serta dipersiapkan untuk mengambil alih daripada atlet utama apabila tiba masanya? Malang sekali apabila wujudnya pelbagai kerenah birokrasi sehingga menghancurkan masa depan atlet muda berbakat dengan begitu sahaja. Hal inilah yang menjadi masalah dan dilema sukan negara. Semua persatuan sukan di negara ini seharusnya membuat anjakan paradigm. Hentikanlah daripada terus bersandiwara dan bersembunyi di sebalik bayangan

kejayaan seorang dua atlet tetapi lupa akan hakikat bahawa mereka tidak ada pengganti apabila bersara kelak.

Setiap persatuan sukan dan kepimpinan persatuan perlu ada misi, visi dan hala tuju yang jelas dalam melahirkan bakat baharu secara berterusan. Pihak yang bertanggungjawab tidak boleh sekadar mahu menjawatjawatan untuk pelbagai kepentingan peribadi tetapi culas dalam melaksanakan tanggungjawab hakiki yang telah diamanahkan. Malah, banyak pihak yang hanya menabur pelbagai janji sebelum dipilih tetapi setelah mendapat jawatan tidak mampu menunaikan janji-janji tersebut. Untuk itu, kita berharap agar pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat memainkan peranan yang sewajarnya dengan memantau secara rapi pencapaian setiap persatuan dalam mencapai pelan pembangunan bakat baharu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kemerosotan dan kekurangan pemain berkaliber adalah berpunca daripada pengurusan yang lemah.

(Dipetik dan diubah suai daripada “Konsisten Lahirkan Atlet Kelas Dunia oleh Noor Muhammad Shakil Hameed, Julai 2017)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a)

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kerenah birokrasi*.
[2 markah]
- (ii) Penulis ada menyentuh tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak kepimpinan persatuan sukan negara.
Nyatakan masalah-masalah tersebut. [3 markah]
- (iii) Penyertaan murid dalam bidang sukan masih berada pada tahap minimum.
Huraikan pendapat anda tentang peranan pihak sekolah dalam menarik minat murid menyertai aktiviti sukan. [4 markah]

Soalan 2 (b): Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hampir beberapa purnama, saya tidak bertemu Munsyi di perkampungan pinggir kota ini. Suatu hari, saya terhidu perkhabaran tentang rancangan sebuah syarikat perumahan dengan kebenaran pengusaha kota untuk mengambil alih kampung tradisi yang didiami oleh Munsyi serta lebih dua puluh buah rumah yang semuanya diduduki keluarga Melayu. Khabarnya kawasan itu akan dibangunkan dengan pelbagai bangunan mewah serta hotel bertaraf lima bintang. Penduduk diberikan tempoh beberapa hari untuk mengosongkan premis mereka sebelum dirobuhkan. Oleh sebab kesibukan tugas, saya tidak sempat menemui lelaki tua itu.

Seminggu selepas itu, ketika saya sampai di kampung pinggir kota itu, keadaan sudah kelam-kabut. Jentera-jentera berat bersiap sedia merobuhkan rumah-rumah kayu usang. Puluhan anggota penguat kuasa mengawal suasana sekitar yang dipanaskan dengan demonstrasi penduduk membantah pencerobohan itu.

Dipetik daripada cerpen “Munsyi oleh Husna Nazri .
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul*, Dewan
Bahasa dan Pustaka.

(i) Nyatakan situasi yang berlaku seminggu selepas Mel sampai di kampung pinggir kota itu? [2 markah]

(ii) Pada pendapat anda, apakah kesan positif yang diperolehi oleh penduduk kampung sekiranya penempatan mereka dimajukan? [3 markah]

(iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2 (b): Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka ada seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar namanya, terlalu berani, kelakuannya gila-gila bahasa. Maka disuruhkan oleh Bendahara Paduka Raja suluh perahu Siam itu. Maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah perahunya olang-oleng. Telah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka dilanggarnya sekali. dua tiga buah perahu Siam alah, Ialu ia terus ke sebelah; maka ia berbalik, dilanggarnya pula yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam alah. Maka Tun Umar pun kembalilah. Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu. Telah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati puntung api. Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam. "Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita."

Maka kata Awi Dicu, "Benarlah seperti kata kamu itu; marilah kita kembali sementara belum siang ini."

Dipetik daripada prosa tradisional "*Burung Terbang Dipipiskan Lada*",
Diselenggara oleh *Mohd Yusof Md. Nor dan Inon Shahrudin Abdul Rahman*,
Antologi Sejadah Rindu, 2015

(i) Berikan maksud *suluh perahu Siam itu*.

[2 markah]

(ii) Mengapakah orang Siam berundur dari negeri Melaka?

[3 markah]

(iii) Peranan sebagai ketua pertahanan dalam pasukan ketenteraan sesuatu negara amat penting. Sekiranya anda dilantik menjadi ketua pertahanan negara, apakah yang akan anda lakukan untuk menewaskan pihak musuh?

[3 markah]

Soalan 2(d)-Puisi Moden

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

ERTI HIDUP BERERTI

Aku selalu didatangi

malam sepi

bagai kalung

yang melingkari leherku

tidak berubah keesokan hari

siapa yang akan menjengukku

keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik

kehijauan rumput

hanya menjadi bayangan

di penjuru ruang zaman

cinta dalam rahim dilupai

dari sulung ditendang ke bongsu

dari angah ditendang ke sulung balik

ku cari erti hidup

menderita mengerang sakit

berdiri tanpa ruang

Aku bagi mereka

tiada makna

anakku bakaku

baik setia mahupun derhaka

semoga disirami benih keinsafan

menjadi penawar dalam hati

embun cinta abadi atasi angin dingin

jangan terpegun

ada yang mati

ada yang hidup

tiada yang kekal kecuali Tuhan

TEO WEI SING
Antologi Sejadah Rindu
Suara Anak Pahang 2009
Pekan Ilmu Sdn. Bhd

(i) Berdasarkan rangkap ketiga, apakah harapan penyajak terhadap anaknya?

[2 *markah*]

(ii) Ibu bapa merupakan insan yang banyak berjasa dalam hidup anak-anak.

Pada pendapat anda, bagaimanakah cara anak-anak membalas jasa ibu bapa mereka.

[3 *markah*]

(iii) Huraikan nilai yang terdapat dalam sajak tersebut.

[4 *markah*]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

- (i) seluruh
- (ii) seloroh
- (iii) ribut
- (iv) rebut
- (v) tonton
- (vi) tuntun

[6 markah]

(b) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian anda dikehendaki menggabungkan ayat-ayat berikut menjadi **tiga** ayat.*

Rakyat Malaysia mesti berani merebut peluang dalam pelbagai bidang. Peluang itu berpunca daripada pembangunan negara. Kesanggupan mereka itu akan membawa pulangan yang lumayan. Para pemimpin pula hendaklah menggunakan pengaruh untuk menggalakkan generasi muda mempelajari bidang kemahiran. Kemahiran itu sebagai persediaan meraih lebih banyak peluang pekerjaan. Menerusi bidang kemahiran, kita akan dapat meningkatkan pengetahuan. Kita dapat meningkatkan inovasi mereka juga. Bidang kemahiran akan menjadi penyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. **Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

- (i) Jiran yang baik ialah jiran yang berjaya memupuk semangat muhibbah, saling dipercayai dan mengamalkan sikap toleransi sesama mereka.
- (ii) Kerajaan mengwartakan hutan simpan di setiap negeri bagi mengekalkan keindahan alam semulajadi di kawasan tersebut.
- (iii) Penerbitan jurnal oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang berkaitan dengan menguruskan bencana alam mendapat sambutan pembaca.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Beberapa batang senapang berjaya diragut daripada penjenayah yang ditangkap oleh polis semalam.
- (ii) Aimin mahu melanjutkan belajar di Universiti Malaya dalam bidang yang masih baharu di negara ini iaitu bio-teknologi kerana potensinya yang masih belum diterokai sepenuhnya.
- (iii) Minit mesyuarat itu sudah diserahkan pada pengerusi untuk disemak dan akan disebarkan kepada semua ahli persatuan.

[6 markah]

- (e) *Baca ayat di bawah dengan teliti, dan kemudian isikan tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.*
- (i) Penderitaan yang ditanggung oleh keluarga nelayan di kampung itu akibat kejadian tsunami amat getir dan menyedihkan. Sebagai rakyat yang prihatin, kita sekadar boleh mengungkapkan rasa simpati di samping menghulurkan sedikit bantuan seperti kata pepatah _____.
- (ii) Setelah tiga hari bekalan air terputus, penduduk di taman itu bertolak-tolakan apabila melihat lori yang membekalkan air tiba. Sikap mereka itu seperti _____.
- (iii) Sikap remaja yang suka merosakkan harta benda awam ibarat _____ menyebabkan pelbagai implikasi buruk bukan sahaja terhadap imej negara, bahkan juga kepada perbelanjaan kerajaan yang terpaksa membaik pulih kerosakan tersebut.

[6 markah]

Soalan 4: Novel
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (ii) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (iii) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (iv) *Pantai Kasih* karya Azamah Nordin
- (v) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin ayip
- (vi) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (vii) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

- a. Berdasarkan yang anda pelajari, jelaskan **dua** latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut.
[7 markah]

- b. Setiap novel mempunyai mempunyai **plot** yang pastinya mampu menarik perhatian para pembaca. Huraikan **peleraian** dalam dua buah novel yang telah anda kaji.
[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT